


Headline **Khairil cipta nama dunia CCTV digital**
Date **10. Mar 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **25**
Section **Ekonomi** Article Size **1575** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Khairil cipta nama dunia CCTV digital


Produk keluaran Radmik Solutions capai standard antarabangsa bagi keselamatan cuma RM400

FAKTA



- Radmik Solutions adalah syarikat milik Bumiputera 100 peratus, memulakan perniagaan pada 2003 dalam bidang pemantauan sistem televisyen litar tertutup.
- Radius adalah sistem pemantauan keselamatan televisyen litar tertutup digital pertama dihasilkan di negara ini
- RSSB mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada ISIO dari Amerika Syarikat kerana mengiktiraf kemampuan penyelesaian perisian keselamatan yang dibangunkannya.
- Kos pemasangan sistem Radius ialah RM400 bagi satu kamera.
- Idea menceburi perniagaan selepas melihat kejadian rompakan dan kegagalan sistem pemantauan televisyen litar merakamkan gambar rompakan berkenaan dengan jelas.

Headline **Khairil cipta nama dunia CCTV digital**
Date **10. Mar 2008**
Media Title **Berita Harian**



CERGAS: Bersama dengan staf Radmik Solutions, Jurutera Sistem, Zulkhairi Mohamad Yusof dan Mohamad Azuddin Said (kanan) berbincang sesuatu.

AFFANDU ISMAIL | BERITA HARIAN

WALAU PUN memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Sivil dan pernah bekerja dengan syarikat pembinaan selepas menamatkan pengajian dari Universiti Putra Malaysia, namun minat mendalam dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mendorong Khairil Adam Rosally untuk menceburi perniagaan berkaitannya.

Namun, sebelum berbuat demikian, beliau melengkapkan dirinya dengan ilmu dengan bidang melanjutkan pengajian dalam bidang pentadbiran perniagaan.

Selepas yakin dirinya sudah cukup bersedia, pada 2003 beliau menubuhkan Radmik Solutions Sdn Bhd (RSSB) yang terbabit dengan penyediaan penyelesaian keselamatan.

Khairil berkata, pada peringkat awal penerokaannya dalam perniagaan ICT, hasratnya adalah untuk menghasilkan perisian aplikasi bagi memudahkan pengiraan kos dan jumlah bahan yang perlu digunakan untuk membina sesuatu binaan.

Bagaimanapun, beliau akhirnya memutuskan untuk tidak meneruskan hasrat itu kerana sudah ada begitu banyak perisian sedemikian di pasaran, terutama diimport.

Katanya, idea penciptaan Sistem Pemantauan Pintar Universal Radmik (Radius) khusus untuk sistem televisyen litar tertutup tercetus apabila beliau terbaca dalam akhbar mengenai rompakkan di sebuah bank serta kegagalan kamera litar tertutup merakamkan gambar perompak dengan jelas.

"Rompakan itu memberikan idea kepada saya untuk menghasilkan penyelesaian bagi sistem televisyen litar tertutup yang dianggap memiliki potensi pasaran yang tinggi," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Kelana Jaya, baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau menyedari perisian aplikasi sistem televisyen litar tertutup juga sudah ada begitu banyak di pasaran, justeru tentu sukar bagi produk baru untuk bersaing.

Selepas membuat penyelidikan, beliau mendapati sebahagian besar produk sistem pemantauan televisyen litar tertutup yang ada masih menggunakan sistem analog dengan imej yang dirakamkan itu tidak jelas.

Justeru, beliau memutuskan untuk membangunkan penyelesaian perisian bagi kamera litar tertu-

tup menggunakan sistem digital.

Selepas melakukan tinjauan pasaran mengenai potensinya, beliau kemudian berbincang bersama seorang rakan, Saiful Jumaat Osman yang ketika itu bekerja di sebuah syarikat telekomunikasi terkemuka negara untuk membangunkan penyelesaian berkenaan.

Selepas berhempas pulas dua tahun, Khairil dan Saiful yang kini adalah Pengarah Teknikal RSSB berjaya menghasilkan sistem penyelesaian Radius, yang mampu menghasilkan imej jelas pada video yang dirakamkan kamera dan dipancarkan terus pada televisyen litar tertutup.

Kelebihan Radius ialah aplikasi berkenaan boleh digunakan oleh mana-mana kamera litar tertutup tanpa mengira jenama.

Pengguna juga tidak perlu membeli sistem litar tertutup yang baru, untuk meningkatkan kemampuan sistem pemantauan CCTV yang dimiliki mereka.

Sistem berkenaan mampu menjimatkan kos bagi membeli sistem pemantauan CCTV baru.

Radius menawarkan kualiti imej lebih tajam dan suara yang dirakamkan memiliki kejelasan tinggi.

Khairil berkata, pada peringkat awal penerokaannya dalam perniagaan, ia agak sukar kerana hanya mendapat projek untuk memasang kamera litar tertutup di syarikat perniagaan secara kecil-kecilan.

Selain itu, katanya, Radius terpaksa bersaing dengan sistem pemantauan televisyen litar tertutup yang sudah lama berada dalam pasaran.

Kelebihan Radius ialah ia menggunakan sepenuhnya Protokol Internet (IP) dengan kos pemasangan sistem berkenaan lebih murah berbanding sistem diimport, iaitu kira-kira RM400 satu kamera.

Sistem berkenaan juga boleh terus beroperasi menggunakan kamera sedia ada tanpa perlu membeli kamera baru.

Khairil berkata, sebahagian besar peniaga yang ditemui pada peringkat awal, agak ragu dengan kemampuan Radius dan RSSB kerana syarikat berkenaan masih baru dan tidak memiliki rekod perniagaan seperti syarikat gergasi lain yang sudah lama dalam pasaran tempatan.

Untuk meyakinkan pengguna mengenai sistem berkenaan, RSSB, katanya, memasang kamera litar tertutup dan sistem penyelesaian Radius dan pengguna hanya perlu membayar secara bulanan.

Ia menyamai apa yang dilakukan syarikat televisyen satelit terkemuka tempatan yang mengenakan caj sewaan bulanan kepada pelanggan.

Bagaimanapun, beliau tidak berputus asa dan terus berusaha tanpa mengenal jemu untuk memperkenalkan sistem Radius kepada syarikat antarabangsa, syarikat perusahan kecil dan sederhana, Kementerian serta agensi kerajaan.

Akhirnya, usaha dan kerja keras beliau membuahkan hasil apabila Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memilih Radius berbanding sistem pemantauan televisyen tertutup dihasilkan syarikat antarabangsa untuk digunakan

kementerian bagi meningkatkan sistem pemantauannya

Khairil berkata, RSSB berjaya mengalahkan 12 syarikat antarabangsa dalam tender bagi projek itu.

"Ia adalah sesuatu yang sangat membanggakan kerana RSSB yang menggunakan produk dihasilkan rakyat tempatan mampu bersaing dengan pelbagai syarikat antarabangsa yang sudah memiliki nama dalam bidang keselamatan televisyen litar tertutup," katanya.

RSSB juga mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada Pertubuhan Antarabangsa Industri Keselamatan (Isio) dari Amerika Syarikat kerana kemampuan penyelesaian perisian keselamatan yang dibangunkannya.

Khairil berkata, masa depan sistem pemantauan televisyen litar tertutup digital yang dibangunkan syarikatnya adalah besar dan meluas kerana sistem berkenaan bukan saja boleh digunakan dalam aspek keselamatan, malah boleh diperluaskan ke bidang lain seperti pelancongan dan kesihatan.

"Kita boleh memasarkan Pulau Tioman pada peringkat antarabangsa dengan menggunakan sistem Radius iaitu apabila pelancong asing mahu melihat keindahan Pulau Tioman boleh melihatnya menerusi kamera yang dipasang di seluruh tempat strategik di pulau berkenaan.

"Begitu juga dengan sektor kesihatan, apabila sistem Radius ini boeh dipasang di wad rawatan rapi (ICU) bagi membolehkan saudara mara pesakit melihat mereka pada bila-bila masa," katanya.

Headline **Khairil cipta nama dunia CCTV digital**
Date **10. Mar 2008**
Media Title **Berita Harian**



“Ia adalah sesuatu yang sangat membanggakan kerana RSSB yang menggunakan produk dihasilkan rakyat tempatan mampu bersaing dengan pelbagai syarikat antarabangsa yang sudah memiliki nama dalam bidang keselamatan televisyen litar tertutup”

Khairil Adam Rosally
Pengarah Urusan
Radmik Solutions Sdn Bhd (RSSB)

CANGGIH: Khairil menunjukkan rangkaian dibina.



TELITI: Khairil (kiri) berbincang dengan Mohammad Azuddin dan Zulkhairi (kanan) meninjau rangkaian daripada sistem.

Headline **Khairil cipta nama dunia CCTV digital**
Date **10. Mar 2008**
Media Title **Berita Harian**



SEDIA KHIDMAT: Saiful, Khairil dan Pengurus Jualan Malaysia, Allied Telesin International (Asia) Pte Ltd, Paul Choy sedia beri perkhidmatan terbaik.